

# ‘Rakyat sudah matang, pandai nilai’

**Kuala Lumpur:** Sebarang mekanisma yang digunakan untuk menapis calon Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) tidak akan berkesan jika calon itu ‘tidak bersih’ di mata rakyat.

Profesor Sains Politik, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Felo Akademi Sains, Prof Datuk Dr Jayum Anak Jawan, berkata rakyat sudah matang dan tidak akan menerima bulat-bulat senarai calon mana-mana parti yang mengatakan mereka bersih.

“Pandangan dan tanggapan rakyat penting dan bukan retorik mana-mana pemimpin dan parti.

“Rakyat tidak akan menerima senarai calon mana-mana parti yang mengatakan mereka itu bersih selagi rakyat berpandangan

bahawa mereka tidak bersih,” katanya kepada *BH*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, bahawa semua se-

narai calon Barisan Nasional (BN) bukan sahaja disaring polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), malah membabitkan pejabat agama.

Katanya, semakan itu bertuju-

an memastikan urusan pernikahan calon dibuat mengikut undang-undang bagi mengelakkan sebarang isu timbul kelak.

Prof Jayum berkata, undang-undang berkaitan pilihan raya menggariskan beberapa perkara, antaranya individu yang cukup umur mengundi, layak untuk menjadi calon dalam mana-mana pilihan raya, selain itu orang yang didapati bersalah dan dihukum penjara maksimum setahun atau dihukum lebih RM2,000, tidak boleh jadi calon.

“Selain daripada yang dinyatakan di atas, syarat lain boleh diletakkan oleh seorang ketua parti. Namun, itu adalah tapisan parti dan bukan berdasarkan undang-undang PRU,” katanya.

• Rakyat tidak menerima senarai calon mana-mana parti mengatakan mereka itu bersih selagi rakyat berpandangan bahawa mereka tidak bersih

**Dr Jayum Anak Jawan,**  
Profesor Sains Politik, UPM  
dan Felo Akademi Sains

